

## ASPEK PEMBIAYAAN HUTANG MENURUT SYEIKH DAUD AL-FATANI DALAM *FURŪ‘ AL-MASĀ’IL*\*

### Debt Financing Aspect According to Sheikh Daud al-Fatani in *Furū‘ al-Masā’il*

Hadenan Towpek<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*Furū‘ al-Masā’il* is a popular work by the prolific Malay scholar, Sheikh Daud al-Fatani (1131-1265H/1718-1847M). It is also considered a masterpiece written during a prominent period in fiqh discipline which includes fiqh al-mu‘āmalāt; being directly related to the economic and finance fields. This article scrutinizes debt financing aspect as perceived indirectly by the author in the mu‘āmalāt chapter. This article applies a literary critical method known as *tahqīq al-nuṣūṣ*. It was found that debt financing can be identified under four (4) subtopics of contract: *al-salam*, *al-ijārah*, *al-qard* and *al-murābahah*. It also points out that debt financing is relevant to the practice in Malaysian Islamic

\* Tulisan ini merupakan versi penambahbaikan daripada kertas kerja asal penulis dalam *Konferansi Antarabangsa Islam Borneo VIII* (KAIB VIII), pada 2-3 September 2015, anjuran dan bertempat di Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Negara Brunei Darussalam.

<sup>1</sup> Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Study, Universiti Teknologi MARA Sarawak, Campus Samarahan 2, Jalan Datuk Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, hadenan74@gmail.com

*banking. This particular relevancy can be summarized into two main aspects: aspect of definition and aspect of application. In addition, this article also illustrates that with some modifications in preparing debt financing concepts in accordance to Sheikh Daud's views, the practice will become more Shariah compliant as well as more practical.*

**Keywords:** *debt financing, Syeikh Daud al-Fatani, Furū‘ al-Masā‘il*

## PENDAHULUAN

Syeikh Daud al-Fatani merupakan tokoh pemikir Islam yang teragung di Nusantara ini yang pernah mengharumkan nama bangsa Melayu dalam kalangan negara-negara Islam dunia hingga ke saat ini. Beliau merupakan ulama kitab teristimewa dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan kitab-kitab Jawi pada sepanjang abad ke 19M. Sebagai penulis yang prolifik pembabitannya dalam penulisan dianggap yang paling produktif dalam melahirkan kitab-kitab Jawi pada sepanjang abad ke 19M. Beliau berkarya dalam pelbagai disiplin keilmuan Islam seperti tauhid, fiqh, tasawuf dan sebagainya, yang di antaranya masih lagi diterbitkan hingga ke hari ini dan menjadi rujukan dan kajian para ulama, ilmuan, penyelidik, pelajar dan sebagainya.

Namun begitu, ketokohan dan populariti beliau kurang dibuat penyelidikan berbanding dengan ulama Melayu yang lain sebagaimana diakui oleh penyelidik seperti Matheson & Hooker,<sup>2</sup> Mohd. Zamberi A. Malek,<sup>3</sup> Mohd Mokhtar Shafii,<sup>4</sup> dan Francis R. Bradley.<sup>5</sup> Sehubungan itu, artikel ini berhasrat menyahut cabaran ini dengan menganalisis pandangan beliau terhadap konsep pembiayaan hutang sebagaimana yang dibincangkan dalam kitabnya *Furū‘ al-Masā‘il* dengan menggunakan versi cetakan Matba‘ah bin Halabi, Patani Thailand dan dirujuk khusus pada tajuk *rubu‘ al-mu‘āmalāt*.

<sup>2</sup> Matheson, V. & Hooker, M.B., ‘Jawi Literature in Patani: The Maintenance of An Islamic Tradition’, *JMBRAS*, 61/1 (1988): 1-86.

<sup>3</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 111.

<sup>4</sup> Mohd. Mokhtar Shafii, *Sheikh Daud Al Fatani: His Life History and Works* (Monograph. Kajang Selangor: Academy for Civilization Studies, Kolej Dar al-Hikmah, 2005), 1.

<sup>5</sup> Bradley, Francis R., ‘Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani’s Writing Contained in the National Library of Malaysia’, *Jurnal Filologi Melayu*, 15 (2007): 121-141.

## **RIWAYAT RINGKAS SYEIKH DAUD AL-FATANI DAN KITAB *FURŪ' AL-MASĀ'IL***

Syeikh Daud al-Fatani merupakan seorang ulama Melayu Nusantara yang terkenal yang muncul pada period transisi abad ke 18M dan abad ke 19M. Ulama yang berasal dari wilayah Patani, Selatan Thai ini banyak memanfaatkan masa hidupnya dengan menuntut ilmu agama di pusat-pusat pengajian ilmu Islam, bermula dari wilayah Patani sebelum ke Aceh (2 tahun), diikuti di Mekah (30 tahun) dan Madinah (5 tahun). Beliau akhirnya menetap di kawasan Hijaz sehingga akhir hayatnya.<sup>6</sup> Dari sudut keilmuan, Syeikh Daud disifatkan oleh Azyumardi Azra<sup>7</sup> sebagai tokoh ulama yang mempunyai pengetahuan yang lebih daripada mencukupi untuk menjadikan beliau tampil sebagai seorang ulama utama Melayu-Indonesia pada tempoh transisi abad ke 18M dan 19M. Bagi Hooker<sup>8</sup> pula menyimpulkan bahawa keilmuan dan ketokohan beliau belum dapat ditandingi oleh ilmuwan Islam pada zaman beliau dan zaman selepasnya sehingga kini. Manakala kajian-kajian W.M. Shaghir<sup>9</sup> mendapati bahawa beliau adalah seorang ulama kitab prolifik yang menghasilkan 69 judul karya pelbagai bidang yang dapat dikenalpasti, iaitu *tauhid* (13 judul), *fiqh* (22 judul), *tasawuf* (13 judul), sejarah (8 judul) dan bidang yang lain (13 judul).

Sementara judul penuh kitab *Furū' al-Masā'il* ialah *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il*. Ia dihasilkan oleh Syeikh Daud pada tahun 1254H/1838M dan diselesaikan pada tahun 1257H/1841M.<sup>10</sup> Kitab ini adalah karya besar beliau dalam bidang perundangan dan pemikiran Islam yang pernah didapati

---

<sup>6</sup> W.M. Shaghir Abdullah, *Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990), 25-26.

<sup>7</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia* (Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan, 1995), 266.

<sup>8</sup> Hooker, M.B. (ed.), *The Laws of South-east Asia (Vol. I: The-Modern Texts)* (Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd, 1986), 363.

<sup>9</sup> W.M. Shaghir Abdullah, 'Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani dan karya-karyanya', (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember, 1991), 21; W.M. Shaghir Abdullah, 'Manuskrip Islam Dunia Melayu ditinjau dari pelbagai peringkat', (Kertas Kerja Forum Ilmiah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1995), 9; dan W.M. Shaghir Abdullah, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2003), 15-16.

<sup>10</sup> W.M. Shaghir Abdullah, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, 20.

di Mekah sejak tahun 1880an lagi.<sup>11</sup> Syeikh Daud menulis kitab *Furū‘ al-Masā‘il* ini sebagai sebuah kitab fiqh yang membincangkan perkara-perkara *furu‘* atau cabang-cabang *fiqhiiyah* yang direka dengan model kitab fatwa, iaitu mempunyai soalan dan jawapan dengan kupasan yang terperinci dan sempurna serta merangkumi semua bab; tanpa menyatakan identiti pihak yang menyoal. Sebagai sebuah kitab model fatwa, Syeikh Daud mereka-bentuk *Furū‘ al-Masā‘il* dalam bahagian *Fiqh Mu‘āmalāt* telah memuatkan sekurang-kurangnya 724 set soalan-jawapan.<sup>12</sup>

## KATEGORI PEMBIAYAAN KEWANGAN

Evolusi dalam dunia perkhidmatan perbankan dan kewangan adalah bergantung kepada tahap keperluan masyarakat yang sentiasa berubah. Institusi perbankan dan kewangan muncul dan bertahan dalam memenuhi tahap keperluan manusia. Situasi inilah yang berterusan berlaku. Beberapa jenis keperluan kewangan yang lama akan mulai berkurangan tahap kebergantungan padanya dan akhirnya lenyap. Sebahagian jenis keperluan kewangan yang lain pula diambil-alih oleh jenis keperluan kewangan yang lebih sofistikated. Terdapat juga jenis keperluan kewangan perlu menerima *remodelling* supaya kekal relevan dengan tahap keperluan masyarakat.<sup>13</sup>

Secara umumnya pembiayaan kewangan boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu pembiayaan ekuiti (*equity financing*) dan pembiayaan hutang (*debt financing*). Kedua-dua aspek pembiayaan ini amat penting dalam menggembangkan sesuatu sistem kewangan. Dalam sistem ekonomi konvensional yang diamalkan di Malaysia hari ini, aspek pembiayaan ekuiti dilakukan melalui pengeluaran syer atau saham yang berkemungkinan memberikan hasil dalam bentuk keuntungan atau dividen. Manakala aspek pembiayaan hutang pula dilakukan melalui pinjaman yang berasaskan faedah (*interest*).<sup>14</sup>

<sup>11</sup> Matheson, V. & Hooker, M.B., ‘Jawi Literature in Patani: The Maintenance of An Islamic Tradition,’ 22.

<sup>12</sup> Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan, ‘Beberapa Metodologi Penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam Kitab *Furū‘ al-Masā‘ill*: Tumpuan kepada Bab *Fiqh al-Mu‘āmalāt*’ (Kertas Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo III, STAIN Pontianak KALBAR, 4-5 Oktober 2010), 5 dan 7.

<sup>13</sup> M.K. Saat *et al.*, *Islamic Banking Practices: From the Practitioner’s Perspective* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 63.

<sup>14</sup> Sharifah Faigah Syed Alwi, *Pembiayaan Hutang dalam Perbankan Islam* (Shah Alam: UPENA, 2006), 2.

Dari segi sejarah, masyarakat Arab di Semenanjung Arab dahulu sangat popular digelar sebagai kaum pedagang. Mereka juga mempraktikkan pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Aspek pembiayaan ekuiti merupakan kontrak-kontrak yang bersifat perkongsian untung (*profit sharing contracts*). Ia termasuklah akad *mudārabah*, *mushārakah* dan lain-lain. Sementara aspek pembiayaan hutang pula melibatkan kontrak-kontrak yang bersifat bertukar-tukaran (*al-mu'awadat*) dan juga amalan *ribā al-nasi'ah* (*interest based lending*) dan *ribā al-buyū'* (*usury of trade*). Namun, apabila Islam muncul, al-Quran dan al-Sunnah telah memberi beberapa panduan asas dalam pembentukan sistem perbankan dan kewangan Islam.<sup>15</sup>

## SKOP PERBINCANGAN

Artikel ini menumpukan kepada aspek pembiayaan hutang yang dibincangkan dengan menjadikan bab muamalat daripada kitab *Furū' al-Masā'il* sebagai korpus kajian. Untuk itu, metode analisis data menggunakan kaedah teknologi iaitu suatu ilmu yang mempelajari selok-belok teks. Dengan perkataan lain, ilmu ini antara lain meneliti proses lahir dan penuturan teks, penafsiran, dan pemahaman sesebuah karya sastera klasik. Dalam Bahasa Arab, kaedah penelitian naskhah ini dikenali sebagai istilah *ilmu taḥqīq al-nuṣūṣ* atau *taḥqīq al-turāth*.<sup>16</sup> Apa yang menarik, penelitian naskhah seringkali mampu membantu mengungkapkan sebuah misteri yang sebelumnya tidak jelas *juntrungnya* (susunannya).<sup>17</sup> Kaedah-kaedah ini digunakan bagi menganalisis kandungan naskhah kitab *Furū' al-Masā'il* jilid 2 pada bahagian *rubu' al-mu'āmalāt*. Syeikh Daud menulis *rubu' mu'āmalāt* dengan pelbagai kategori tajuk yang berjumlah 40 tajuk, iaitu 17 *kitab*, 14 *bab* dan 9 *fasl*.<sup>18</sup>

<sup>15</sup> Nik Norzrul Thani *et al.*, *Law and Practice of Islamic Banking and Finance* (Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia, 2010), 45; dan Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 45.

<sup>16</sup> Nabilah Lubis, *Naskah, Teks dan Metode Penelitian Filologi* (Jakarta: Yayasan Media Al Indonesia, 2001), 30.

<sup>17</sup> Nabilah Lubis, *Naskah, Teks dan Metode Penelitian Filologi*, 6.

<sup>18</sup> Hadenan Towpek, ‘Kaedah Penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam *Furū' al-Masā'il* dengan tumpuan kepada *rubu' al-mu'āmalāt*’ (Kertas kerja dibentangkan di The 6<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop 2011 (INGRAW 2011)), 9-10.

## ANALISIS ASPEK PEMBIAYAAN HUTANG

Analisis terhadap *rubu ‘al-mu‘āmalāt* dari kitab *Furū‘ al-Masā’il* Jilid 2 karya Syeikh Daud ini mendapat terdapat empat akad utama yang berkaitan dengan aspek pembiayaan hutang. Empat akad utama tersebut ialah jualan *al-salam*, *ijārah*, *murābahah* dan *qardh hasan*.

### a) Jualan *al-Salam*

Dari segi latar sejarahnya, akad jualan *al-salam* popular pada zaman Nabi SAW lagi dan juga pada zaman kegemilangan hasil pertanian. Akad ini dianggap menarik dan penting kerana ia dikecualikan daripada syarat jual beli biasa atas dasar objektif Syariah yang jelas.<sup>19</sup> Atas asas pertimbangan ini, akad jualan *al-salam* dijadikan kayu ukur apabila berhadapan dengan keperluan semasa dan syarat jual beli yang ketat.<sup>20</sup>

Oleh itu, akad jualan *al-salam* menjadi antara fokus perbincangan fuqaha<sup>21</sup> terdahulu termasuklah Syeikh Daud dalam *Furū‘ al-Masā’il*.<sup>22</sup> Beliau membincangkan tajuk jualan *al-salam* khusus kepada memerihalkan hukum dan syarat bagi rukun akad jualan *al-salam*, iaitu pihak yang berakad (*muslim* dan *muslam ilayh*), *ra’s al-māl* (modal atau harga barang), dan objek akad (*muslim fihi*). Berikut adalah contoh petikan mengenai akad jualan *al-salam* dalam *Furū‘ al-Masā’il*:

<sup>19</sup> Mohd. Daud Bakar, ‘Aspek-Aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam’, *Jurnal Syariah*, 5 (1997): 217.

<sup>20</sup> Zaharuddin Abd Rahman, *Murabahah: Teori, Aplikasi & Isu dalam Perbankan Islam Semasa* (Petaling Jaya: Truewealth Publishing, 2009), 58-59.

<sup>21</sup> al-Shāfi‘ī, Abū ‘Abd Allāh Muhammad b. Idris, *al-Umm (Mukhtaṣar al-Muzan)*, vol. 8 (Qāhirah: Dār al-Ghad al-‘Arabī, 1991), 133-136; al-Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Khatib, *Mughnī al-Muḥtāj ila Ma‘rifat ma‘āni Alfāz al-Minhāj*, vol. 2 (Beirût: Dār al-Ma‘rifah, 1997), 134-150; al-Nawawī, Abū Zakariyya Muhy al-Dīn b. Syaraf, *Rawdāt al-Tālibīn*, vol. 3 (Arab Saudi: Dār ‘Alīm al-Kutub, 2003), 242-272; al-Syirazī, Abū Ishāq Ibrāhim b. ‘Alī b. Yūsuf al-Fayruzabādī, *al-Tanbīh* (Makkah: Maktabah Dār al-Baz, 1995), 164-166; al-Ghazālī, Muḥammad b. Muḥammad, *al-Waṣīṭ fī al-Madhbāb*, vol. 3 (Qāhirah: Dār al-Salām, 1997), 423-450.

<sup>22</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il* (Patani: Matba‘ah Bin Halabi, t.t.), 39-43.

### \* كتاب السلام \*

أَنْ سُوَاتٍ كَتَبَ فِيمِّنَا كَنْ جَوَالَ سَلَمَ (سُئُلَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) أَفَارِقَ مَعْنَى سَلَمَ (مَكْ دَجَوَابِنْ)  
يَأْتِيْتُ جَوَالَ سُوَاتٍ يَغْدِصُ فِيْكُنْ فَلَذْمَهْ دَغْنَ لَفْظَ سَلَمَ (سُئُلَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) أَفَحُكْمَ سَلَمَ كَافِرَهْ  
سَهْيَا يَغْ مُسْلِمَ أَوْ أُورَغَ مُرَنَّدَأَوْ يَغْ أَفَانَ يَقْبِيَادَ صَحَّ أَيْمَلِيَ (مَكْ دَجَوَابِنْ) نَيَادِصَحَّ سَلَمَ

(*Kitab al-Salam*)

“*Ini suatu kitab pada menyatakan jual salam (telah ditanya RadiyAllahu ‘anhу) Apa arti makna salam (maka dijawabnya) Iaitu jual suatu yang disifatkan pada dhimmah dengan lafaz salam (telah ditanya RadiyAllahu ‘anhу) apa hukum salam kafir pada sahaya yang Muslim atau orang murtad atau yang umpama yang tiada sah membeli (maka dijawabnya) tiada sah salam ....*”<sup>23</sup>

Bagi Syeikh Daud, akad jualan *al-salam* secara mudahnya difahami sebagai jual beli sesuatu yang disifatkan pada *dhimmah* (tanggungan) dengan lafaz *al-salam*.<sup>24</sup> Takrifan ini dapat difahami bahawa bentuk akad ini adalah daripada kategori akad jual beli bagi sesuatu barang yang disifatkan (*al-mawṣūf*) iaitu ciri-ciri khusus barang yang dispesifikasikan oleh *muslim* selaku pembeli barang, memandangkan barang tersebut belum wujud lagi ketika majlis akad. Oleh itu, *muslam ilayh* selaku penjual barang menanggung *dhimmah* (tanggungjawab) untuk berusaha mewujudkan barang tersebut dalam tempoh tertentu yang disepakati.<sup>25</sup>

Menurut Syeikh Daud, syarat serah-terima *ra’s al-māl* tidak terlalu mengikat kerana terdapat keadaan di mana tidak berlaku serah-terima *ra’s al-māl*, tetapi dikira sah akad jualan *al-salam*. Umpamanya, selain dalam bentuk *nuqud*, *ra’s al-māl* itu boleh dalam bentuk manfaat seperti memberi perkhidmatan kepada *muslam ilayh* selama sebulan; atau dalam bentuk harta tetap yang tidak boleh

<sup>23</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 39.

<sup>24</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 9-10.

<sup>25</sup> Abdul Ghafar Ismail, *Money, Islamic Banks and the Real Economy* (Singapore: Cengage Learning, 2010), 69; Mohd Herwan Mohammad Hussin & Mohd Hawari Mohammad Hussin, *Understanding Shari’ah and Its Application in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 117; dan BIRT, *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training, 1998), 47.

diserah-terima secara fizikal seperti rumah atau sebidang tanah.<sup>26</sup> Bagi *muslim fih* iaitu barang yang ditempah hendaklah disepakati semasa majlis akad. Oleh itu, ia tidak sah sekiranya ditentukan sebelum atau selepas majlis akad.<sup>27</sup> Dalam hal ini juga, *muslam ilayh* hendaklah berkuasa untuk mewujudkannya dan diserahkan kepada *muslim* pada tempoh yang disepakati. Sekiranya melebihi tempoh tersebut dan *muslam ilayh* tidak menyerahkan barang yang ditempah, maka akad jualan *al-salam* tersebut batal.<sup>28</sup>

Huraian tiga rukun jualan *al-salam* di atas adalah tidak berbeza dengan ciri dan aplikasi kontrak pembiayaan jualan *al-salam* perbankan Islam Malaysia.<sup>29</sup>

Pada masa sekarang, akad jualan *al-salam* digunakan dalam perbankan Islam Malaysia menerusi pembiayaan *al-salam* secara *hybrid*, iaitu digabungjalin dengan akad yang lain seperti akad *bay' al-mu'ajjal* (jual bayaran bertangguh); Pembiayaan *al-Salam* Sebagai Pembiayaan Modal Kerja; dan Pembiayaan *al-Salam* Secara Selari (*Parallel Salam*).<sup>30</sup> Umpamanya, Agrobank<sup>31</sup> menawarkan produk pembiayaan komersialnya yang dikenali sebagai Modal Kerja-*i* yang mengaplikasikan akad jualan *al-salam* dalam salah satu kaedah pembiayaan bagi membiayai pelanggan yang memerlukan tunai segera bagi urusan perniagaan hariannya seperti mengusahakan tanaman padi, mengeluarkan barang perkilangan atau apa-apa barang yang dapat disifatkan secara tepat dari segi bentuk, bilangan, timbangan, jenis, kualiti dan sifat asasi lain yang akan menjadikan harga yang berbeza-beza.

Rumusan awal perbincangan ini menunjukkan bahawa Syeikh Daud mengekalkan terma-terma perbincangan standard penulisan kitab fiqh mazhab Shāfi‘ī melalui penghuraian tiga rukun dalam akad jualan *al-salam*. Standard penulisan kitab fiqh mazhab Shāfi‘ī ini juga dikekalkan dalam perbahasan dan penelitian terhadap aplikasi kontrak pembiayaan hutang secara *al-salam* dalam perbankan Islam Malaysia. Sudah pasti perbezaan yang nyata adalah bagaimana konsep jualan *al-salam* ini diaplikasikan adalah berdasarkan

<sup>26</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 40.

<sup>27</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 40.

<sup>28</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 40.

<sup>29</sup> Abdul Ghafar Ismail, *Money, Islamic Banks and the Real Economy*, 69-70; Mohd Herwan Mohammad Hussin & Mohd Hawari Mohammad Hussin, *Understanding Shari‘ah and Its Application in Islamic Finance*, 117-121; BIRT, *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*, 47-49.

<sup>30</sup> Zaharuddin Abd Rahman, *Murabahah: Teori, Aplikasi & Isu dalam Perbankan Islam Semasa*, 60-64.

<sup>31</sup> Agrobank, <http://www.agrobank.com.my/modal-kerja-i>, dicapai pada 19 Januari 2014.

jenis keperluan dan kehendak masyarakat semasa yang sering berubah dan bertambah kompleks. Namun, ciri asas jualan *al-salam* ini adalah bersifat fleksibel yang tidak terikat dengan syarat-syarat jual beli yang ketat.

### b) Akad *Ijārah*

Perbincangan Syeikh Daud dalam *Furu‘ al-Masā’il* pada akad *ijārah* menyentuh aspek-aspek seperti hak pemilik dan penyewa, harta sewaan, bentuk sewaan, dan hal-hal lain yang berkaitan.<sup>32</sup> Berikut adalah contoh petikan mengenai akad *ijārah* dalam *Furu‘ al-Masā’il*:

#### \* كتاب الاجارة \*

أَنْ سُوَّاتٍ كِتَابٌ فَدِيمَتَا كَنْ حَكْمَ اجَارَهُ (سَلْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) أَدَا كَمْ صَحْ مَغْوَفَهُ أَوْ رَغْ كَافِرًا كَنْ أُورَغْ  
اسلام (بَلْ دَجَوَابِنْ) صَحْ بَيْبِوَا أُورَغْ كَافِرًا كَنْ أُورَغْ اسلام جَكْ اجَارَهُ العَيْنَ سَكَيْفُونْ تَنَافَ  
مَكْرُوهَ دَانْ جَلَكْ سَوْرَغْ مَرْفَسَ كَبِيْغَ دَانْ دَاوَفَهَا كَنْ سَوْرَغْ سَمَبَلَهَ دَانْ مَكْوَفَسَ مَكْدَسَمَبَلَهَ  
ا كَنْدِيْ جَاهِلَهُ أَيْ ا كَنْ كَبِيْغَ رَمَفَاسَنَ مَكْأَفَ حَكْمَنَ مَكْبَهُوسَنَ أَوْ رَغِيْغَ مَبِيلَهَ دَانْ يَغَ  
مَكْوَفَسَنَ أَيَّهَ كَمَبَالِيْ كَفَدَأَوْ رَغِيْغَ مَرْفَسَ دَغَنْ أَجَرَهَ مَثَلَ كَارَنْ أَيْ يَغَ مَنْكَفَكَنَ أَنْسَ فَرَبَوَانَهَ  
دَانْ أَورَغْ مَرْفَسَ تِيَادَ بَوَلهَ أَيْ كَمَبَالِيْ أَنْسَ مَالَكَشَ دَغَنْ سَسَوَاتَ كَارَنْ أَيْ مَبِهْجَا كَنْدِيْ

*(Kitab al-Ijārah)*

*“Ini suatu kitab pada menyatakan hukum ijārah (Telah ditanya RadiyAllahu ‘anhу) Adakah sah mengupah orang kafir akan orang Islam (Maka dijawabnya) Sah menyewa orang kafir akan orang Islam jika ijārah al-‘ayn sekalipun tetapi makruh dan jika seorang merampas kambing dan diupah akan seorang sembelih dan mekupas maka disebelihnya akan dia jahil ia akan kambing rampasan maka apa hukumnya maka bahwasanya orang yang menyebelih dan yang mekupasnya itu kembali kepada orang yang merampas dengan ujrah mithil kerana ia yang menagungkan atas perbuatannya dan orang yang merampas tiada boleh ia kembali atas maliknya dengan suatu kerana ia menyahajakan dia... ”<sup>33</sup>*

<sup>32</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furu‘ al-Masā’il*, 113-118.

<sup>33</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furu‘ al-Masā’il*, 113.

Fokus perbincangan akad *ijārah* dalam *Furū‘ al-Masā‘il* adalah berasaskan kepada dua jenis akad *ijārah* iaitu *ijārah al-‘ayn* (barang/komoditi) dan *ijārah al-dhimmah* (perkhidmatan). Kedua-dua jenis *ijārah* ini juga diadaptasikan dalam penawaran produk perbankan Islam yang berasaskan konsep *ijārah*. Konsep *ijārah* boleh dikategorikan kepada dua iaitu *ijārah* secara operasi (*operating lease*) dan pembiayaan secara *ijārah* (*financial lease*).<sup>34</sup> Dalam amalan perbankan Islam, bagi jenis pertama iaitu *ijārah al-‘ayn* (sewaan atau pajakan barang/komoditi) secara lazimnya diaplikasikan dalam kontrak pembiayaan yang melibatkan tiga pihak iaitu pihak bank, pelanggan dan pembekal, di mana pada akhir tempoh akad *ijārah* menyaksikan aset atau peralatan akan menjadi milik pihak bank, bukannya milik pelanggan.

Selain itu, pihak bank juga menawarkan kontrak pembiayaan *ijārah* yang berbeza sedikit dengan produk yang pertama di mana produk kedua ini menyaksikan aset/peralatan tersebut akan bertukar milik daripada milik bank kepada milik penyewa. Produk jenis ini dikenali sebagai *ijārah muntahiyah bi al-tamlik* (IMBT) atau *ijārah wa iqtina’*.

Terdapat satu lagi kontrak pembiayaan dari jenis *ijārah al-‘ayn* yang diaplikasikan dalam perbankan Islam yang dikenali sebagai akad *al-ijārah thumma al-bay‘* (AITAB). Pada asasnya, kontrak AITAB berserta dengan produk *ijārah* biasa dan *ijārah* IMBT adalah berasaskan kontrak *ijārah* iaitu suatu bentuk kontrak pembiayaan secara sewaan atau pajakan secara berjadual. Ketiga jenis kontrak pembiayaan *ijārah* ini berbeza dari sudut status pemilikan terakhir di mana *ijārah* biasa: Aset masih kekal menjadi milik bank; *Ijārah* IMBT: Aset bertukar milik pelanggan (penyewa) sama ada sebagai pemberian, harga token, harga persamaan, atau pindah-milik biasa; dan *Ijārah* AITAB: Aset bertukar milik kepada pelanggan (penyewa) melalui kontrak jual beli (*S&P Contract*) pada bayaran terakhir selepas bayaran sewaan sebelumnya diselesaikan.

Kontrak pembiayaan AITAB ini boleh dilihat dalam senarai produk pembiayaan oleh institusi perbankan Islam Malaysia. Umpamanya, RHB Islamic Bank<sup>35</sup> menyediakan kemudahan produk yang dikenali sebagai Sewa Beli-i (*Hire Purchase-i*), iaitu sebuah produk pembiayaan yang membenarkan pelanggan untuk menyewa kenderaan daripada bank dan seterusnya pada penyelesaian ansuran bulanan yang terakhir, membeli dan mengambil hak ke atas kenderaan tersebut.

<sup>34</sup> Zaharuddin Abd Rahman, *Murabahah: Teori, Aplikasi & Isu dalam Perbankan Islam Semasa*, 68.


<sup>35</sup> RHB Islamic Bank, [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/product-disclosure-sheet/HP.pdf](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/HP.pdf), dicapai pada 20 Januari 2014.

Manakala bagi jenis *ijārah al-dhimmah* pula boleh dilihat dalam kontrak pembiayaan yang dikenali sebagai *ijārah mawṣūfah fī al-dhimmah* (*forward lease*). Produk ini merupakan satu akad *ijārah* yang melibatkan aset di bawah milik bank selaku pemilik pajakan (*lessor*) diserahkan kepada pelanggan selaku pemajak (*lessee*) berdasarkan spesifikasi yang tepat pada masa hadapan. Memandangkan aset pajakan belum lagi diserahkan, maka dalam hal ini ia dianggap sebagai pajakan masa depan (*forward lease*).<sup>36</sup> Dalam hal ini, Majlis Pengawasan Syariah Bank Negara Malaysia memberi kelulusan penggunaan konsep *ijārah mawṣūfah fī al-dhimmah* sebagai kontrak sokongan dalam produk pembiayaan perumahan yang berdasarkan *mushārakah mutanāqisah*.<sup>37</sup>

Daripada huraian akad *ijārah* di atas dapatlah disimpulkan bahawa pemahaman konsep *ijārah* berdasarkan *Furū' al-Masā'il* ini memberi penekanan kepada pembahagian dua jenis *ijārah*, iaitu *ijārah al-'ayn* dan *ijārah al-dhimmah*. Dengan pembahagian dua jenis *ijārah* yang jelas ini diyakini memberi panduan dan kaedah dalam aspek aplikasi akad *ijārah* yang disesuaikan dengan kehendak dan tuntutan pelanggan dan pasaran.

### c) Jualan *Murābahah*

Dalam *Furū' al-Masā'il*, Syeikh Daud juga membincangkan secara ringkas tajuk jualan *murābahah*. Berikut adalah contoh petikan mengenai akad *murābahah* dalam *Furū' al-Masā'il*:



“... (Telah ditanya RādiyAllahu ‘anhу) Apa arti bay‘ murābahah dan hukumnya (Maka dijawabnya) Iaitu berkata ia bagi seorang seperti ia membeli sesuatu benda dengan seratus kemudian ia berkata bagi seorang lain aku jua ini akan dikau dengan barang yang aku beli dan aku hendak laba satu dirham bagi tiap-tiap

<sup>36</sup> Mohd Herwan Mohammad Hussin & Mohd Hawari Mohammad Hussin, *Understanding Shari'ah and Its Application in Islamic Finance*, 134.

<sup>37</sup> Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 16.

*sepuluh dirham maka diterimanya maka hukumnya sah jualnya dan wajib yang membeli itu beri tiap-tiap sepuluh dirham satu dirham... ”<sup>38</sup>*

Bagi Syeikh Daud, *murābahah* ditakrifkan sebagai suatu bentuk jualan produk pada harga asal dengan ditambah keuntungan dengan persetujuan pembeli.<sup>39</sup> Takrifan ini tidak berbeza dengan pemahaman konsep *murābahah* dalam kalangan fuqaha seperti al-Shāfi‘ī,<sup>40</sup> al-Dusūqī,<sup>41</sup> al-Kasānī,<sup>42</sup> Ibn Qudāmah,<sup>43</sup> Ibn Humam,<sup>44</sup> dan al-Syarbinī,<sup>45</sup> dan sarjana Islam seperti al-Misri,<sup>46</sup> Saleh,<sup>47</sup> al-Misri,<sup>48</sup> Humud,<sup>49</sup> Joni Tamkin,<sup>50</sup> dan Abdul Ghafar.<sup>51</sup> Bahkan pihak industri perbankan Islam menanggapi *murābahah* sebagai penjualan barang pada harga yang termasuk kos campur keuntungan yang telah dipersetujui oleh penjual dan pembeli. Kontrak ini membolehkan pelanggan menerima

<sup>38</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 30.

<sup>39</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 30.

<sup>40</sup> al-Shāfi‘ī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Idris, *al-Umm*, 124.

<sup>41</sup> al-Dusūqī, Syams al-Dīn al-Shaykh Muḥammad, *Hāshiyat al-Dusūqī ‘ala al-Syarh al-Kabīr*, vol. 3 (Qāhirah: Matba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalābī wa Syurakah, t.t.), 159.

<sup>42</sup> al-Kasānī, ‘Ala al-Dīn Abū Bakr b. Mas‘ūd, *Badā‘i‘ al-Sanā‘i‘ fī Tartīb al-Syarā‘i‘*, vol. 5 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.al-Kasānī, 1986), 223-224.

<sup>43</sup> Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad b. Abū Bakr, *al-Mughnī wa al-Syarh al-Kabīr*, vol. 4 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1972), 159.

<sup>44</sup> Ibn Humam, Kamal al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd Wahid, *Syarh Fath al-Qadir*, vol. 6 (Mesir: Syirkah Maktabah wa Matba‘ah al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlāduh, 1970), 510.

<sup>45</sup> al-Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Khatib, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma‘rifat ma‘āni Alfāz al-Minhāj*, 102-105.

<sup>46</sup> al-Misri, ‘Abd al-Samī‘, *al-Maṣraf al-Islāmī ‘Ilmiyyan wa ‘Amaliyyan* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1988), 75.

<sup>47</sup> Saleh, Nabil A., *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law* (Cambridge: Cambridge University Press, 1986), 94.

<sup>48</sup> al-Misri, Rafiq Yunus, ‘Bay‘ al-Murābahah li al-Amr bi Syira’ fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah’, *Majalah Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī*, 5/2 (Jeddah: Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī, 1988), 1129-1172.

<sup>49</sup> Humud, Sami, ‘Bay‘ al-Murābahah li al-Amr bi Syira’ fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah’, *Majalah Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī*, 5/2 (Jeddah: Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī, 1988), 1096.

<sup>50</sup> Joni Tamkin Borhan, ‘*Bay‘ Murābahah* in Islamic Commercial Law,’ *Jurnal Syariah*, 6 (1998): 53-58.

<sup>51</sup> Abdul Ghafar Ismail, *Money, Islamic Banks and the Real Economy*, 66.

serahan barang serta merta semasa ketibaan dan menyelesaikan dengan bank mengikut peraturan pembayaran tertunda.<sup>52</sup>

Sebagai contohnya, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) menawarkan kontrak pembiayaan *murābahah* yang dikenali sebagai Pembiayaan Modal Teroka *Murābahah* (*Murābahah Working Capital Financing-i*) (MWCF-i). MWCF-i ini dikhkususkan untuk kategori pembiayaan aset tetap, kategori kontrak pembiayaan, kategori bil-bil penerimaan Islam, dan kategori dokumentari kredit.<sup>53</sup> Selain itu, produk yang dikenali sebagai Bil-bil Penerimaan Islam-Jualan (*Islamic Accepted Bills-Sale*) (IAB-Sale) juga menggunakan konsep *murābahah* bersama konsep *bay' al-dayn*. Begitu juga kontrak pembiayaan yang ditaja khas oleh Bank Negara Malaysia yang dikenali sebagai Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) yang mengaplikasikan konsep yang variasi iaitu konsep *tawarruq*, *murābahah*, *bay' bi thaman ajil* (BBA), dan *bay' al-istisna'*.<sup>54</sup>

Huraian di bawah tajuk *murābahah* ini menyimpulkan bahawa keuntungan merupakan aspek yang tidak dapat lari daripada bidang perniagaan dan kewangan, bahkan menjadi intipati dan motivasi yang menggerakkan sesuatu sistem ekonomi. Boleh jadi atas sebab inilah Syeikh Daud turut mengetengahkan dan membahaskan tajuk ini dalam *Furū' al-Masā'il*. Apa yang menarik konsep yang dibincangkan dalam *Furū' al-Masā'il* ini masih lagi dilaksanakan dalam zaman sekarang ini sebagaimana penawaran produk pembiayaan hutang yang berdasarkan akad *murābahah* di institusi kewangan Malaysia.

---

<sup>52</sup> BIMB (Bank Islam Malaysia Berhad), <http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/TradeWorkingCapitalFinancing-i.aspx?tabs=1>, dicapai pada 19 Januari 2014; RHB Islamic Bank, [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/product-disclosure-sheet/PDS\\_PF-i\\_Private.pdf](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/PDS_PF-i_Private.pdf), dicapai pada 20 Januari 2014; Maybank Islamic, <http://maybankislamic.com.my/glossary.html>, dicapai pada 19 Januari 2014; AIBIM (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia), <http://aibim.com/content/view/151/126/>, dicapai pada 19 Januari 2014; Public Islamic Bank, [http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en\\_content/glossary.html](http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en_content/glossary.html), dicapai pada 20 Januari 2014.

<sup>53</sup> BMMB (Bank Muamalat Malaysia Berhad), <http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/commercial-banking/>, dicapai pada 19 Januari 2014.

<sup>54</sup> BMMB (Bank Muamalat Malaysia Berhad), <http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/commercial-banking/>, dicapai pada 19 Januari 2014.

#### d) Kontrak *Qard*

Syeikh Daud juga membincangkan tajuk jualan *qard* dalam *Furū‘ al-Masā’il*.<sup>55</sup> Berikut adalah contoh petikan mengenai akad *qard* dalam *Furū‘ al-Masā’il*:

#### ( باب القرض )

ابن سوات باب فدميٰ كن قرض دان دغاً كن سلف فول (سئل رضي الله عنه) أَفْ مَعْنَى قَرْض حَكْمَنْ (مك دجوابن) يائت ميلك سوات كفسورغ أنس بهواي بالق肯 افان دان أدال حَكْمَنْ سِنْمُؤْ كدْرَكْدَغْ حَرَامْ مَغْوَنْ كن سُفْرَةْ بِرْأَتْ دان دَنْقَهْ كن فَدْمَعْصَبَةْ دان تَرْكَدَغْ

(*Kitāb al-Qard*)

“*Ini suatu bab pada menyatakan qard dan dinamakan salaf pula (Telah ditanya RadiyAllahu ‘anhу) Apa makna qard hukumnya (Maka dijawabnya) iaitu memilik suatu kepada seorang atas bawah balikkan umpannya dan adalah hukumnya sunat muakkad terkadang haram mengutangkan seperti berutang dan dinafkahkan pada maksiat dan terkadang ...*”<sup>56</sup>

Dalam *Furū‘ al-Masā’il*, *qard* difahamkan sebagai seseorang memberi harta kepada orang lain yang ingin memanfaatkannya tanpa balasan, dan ia dapat diminta kembali, dengan mengharapkan pahala daripada Allah SWT.<sup>57</sup> Dalam pemahaman secara umum, akad *qard* sebagai cabang daripada *salaf*, iaitu suatu bentuk pinjaman yang disebut imbalan atau balasan dalam *ṣighahnya*, atau terdapat *qarinah* dalam *ṣighah* yang menunjukkan kepada *qard*. Sekiranya imbalan tidak disebut dalam *ṣighah*, maka ia termasuk dalam cabang *salaf* yang lain yang dikenali sebagai *hibah*.<sup>58</sup>

Pemahaman ini adalah tidak berbeza dengan pemahaman dalam amalan perbankan Islam Malaysia di mana konsep *qard* yang dikenali sebagai *qard hasan* (Pinjaman Ihsan). Akad *qard hasan* merupakan suatu konsep yang merujuk kepada pinjaman tanpa faedah yang diberi untuk tujuan kebajikan. Peminjam hanya dikehendaki untuk membayar balik jumlah pinjaman pokok,

<sup>55</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 107-110.

<sup>56</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 107.

<sup>57</sup> Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā’il*, 107.

<sup>58</sup> Ayyub, Hasan Muhammad, *Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah fī al-Islām*, vol. 1 (t.t.p.: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, 1998), 173-174.

tetapi ia boleh memberi mengikut budi bicaranya jumlah tambahan dalam bentuk *hibah* sebagai tanda penghargaan.<sup>59</sup>

Selain itu, Syeikh Daud juga menjelaskan bahawa hutang *qard* wajib dibayar dari jenis yang sama seperti *mithlī* dengan *mithlī* atau *mutaqawwam* dengan *mutaqawwam*. Dalam hal ini juga, sekiranya harta yang dipinjam itu, umpamanya seperti batang kubah kemudian didapati telah dibuat binaan kubah, atau seperti gandum kemudian didapati telah ditanam, maka dalam hal ini kedua barang yang dipinjam ini dikira sebagai binasa dan wajib diberikan gantiannya.

Penjelasan Syeikh Daud di atas secara jelas menunjukkan kerelevanannya dengan amalan akad *qard hasan* di Malaysia terutamanya dalam meletakkan terma dan syarat produk *qard hasan* di mana objek yang dipinjam adalah sesuatu yang boleh dikuantifikasikan, dengan maksud ia boleh jadi dalam bentuk makanan, pakaian, emas, perak, matawang dan seumpamanya.<sup>60</sup> Oleh itu, jumlah pinjaman itu hendaklah tertentu dan diketahui sama ada dalam bentuk volum, berat, angka atau saiz. Ini penting bagi menjamin pembayaran balik dapat dibuat dalam bentuk yang sama.<sup>61</sup>

Apa yang dapat disimpulkan di sini bahawa konsep *qard* yang difahami oleh Syeikh Daud adalah suatu gambaran yang lazim berlaku dalam dunia perniagaan yang merangkumi pemilik modal yang memberi modal dalam bentuk pembiayaan secara hutang kepada pihak pelanggan atau peniaga selaku penghutang yang hendak melaksanakan sesuatu projek perniagaan. Oleh itu, apa yang berlaku pada zaman kini dan akan datang adalah tidak lari daripada wujudnya dua pihak iaitu pihak lebihan yang menjadi pemberi dana dan pihak defisit yang pencari dana.

## KESIMPULAN

Artikel ini merumuskan bahawa perbincangan aspek pembiayaan hutang dapat diteliti dan dikaji pada bahagian *rubu' al-mu'amalāt* dalam kitab *Furu'*

<sup>59</sup> *Al-Mawsū'ah al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li al-Bunūk al-Islāmiyyah*, vol. 5 (Qāhirah: al-Ittihad al-Dawli li al-Bunūk al-Islāmiyyah, 1982), 304; Bank Negara Malaysia, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1994), 360; Bank Negara Malaysia, *What is Islamic Banking: Banking Info* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2003), 4; M.K. Saat et al., *Islamic Banking Practices: From the Practitioner's Perspective*, 118.

<sup>60</sup> Mohd Herwan Mohammad Hussin & Mohd Hawari Mohammad Hussin, *Understanding Shari'ah and Its Application in Islamic Finance*, 178.

<sup>61</sup> Abdul Ghafar Ismail, *Money, Islamic Banks and the Real Economy*, 73.

*al-Masā'il* karya Syeikh Daud al-Fatani. Secara khusus aspek pembiayaan hutang tersebut dibincangkan di bawah empat tajuk iaitu jualan *al-salam*, *al-ijārah*, *al-qarḍ* dan *al-murābahah*. Ia juga menunjukkan aspek pembiayaan hutang sebagaimana diuraikan dalam *Furū‘ al-Masā'il* adalah relevan dengan amalan kontrak pembiayaan hutang dalam perbankan Islam Malaysia. Aspek kerelevanannya boleh dirumuskan kepada dua aspek utama iaitu aspek definisi dan aspek aplikasi. Selain itu, artikel ini menggambarkan bahawa dengan beberapa penyesuaian dalam penyediaan konsep pembiayaan hutang menurut Syeikh Daud al-Fatani bukan sahaja memenuhi keperluan Syariah tetapi juga menjadikannya lebih praktikal.

## RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999).
- Abdul Ghafar Ismail, *Money, Islamic Banks and the Real Economy* (Singapore: Cengage Learning, 2010).
- Agrobank, <http://www.agrobank.com.my/modal-kerja-i>, dicapai pada 19 Januari 2014.
- AIBIM (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia), <http://aibim.com/content/view/151/126/>, dicapai pada 19 Januari 2014.
- al-Dusūqī, Syams al-Dīn al-Shaykh Muḥammad, *Hāshiyat al-Dusūqī ‘ala al-Syarḥ al-Kabīr*, vol. 3 (Qāhirah: Matba‘ah Ḥasanah al-Bābī al-Halābī wa Syurakah, t.t.), 159.
- al-Ghazalī, Muḥammad b. Muḥammad b. Muḥammad, *al-Waṣīṭ fī al-Madhhab*, vol. 3 (Qāhirah: Dār al-Salām, 1997).
- al-Kasānī, ‘Ala al-Dīn Abū Bakr b. Mas‘ūd, *Badā‘i‘ al-Sanā‘i‘ fī Tartīb al-Syarā‘i‘*, vol. 5 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.al-Kasānī, 1986), 223-224.
- Al-Mawsū‘ah al-‘Ilmiyyah wa al-‘Amaliyyah li al-Bunūk al-Islāmiyyah*, vol. 5 (Qāhirah: al-Ittihad al-Dawli li al-Bunūk al-Islāmiyyah, 1982).
- al-Misri, ‘Abd al-Samī‘, *al-Maṣraf al-Islāmī ‘Ilmiyyan wa ‘Amaliyyan* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1988).
- al-Misri, Rafiq Yunus, ‘Bay‘ al-Murābahah li al-Amr bi Syira’ fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah’, *Majalah Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī*, 5/2 (Jeddah: Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī, 1988), 1129-1172.
- al-Nawawī, Abū Zakariyya Muhy al-Dīn b. Syaraf, *Rawdāt al-Tālibīn*, vol. 3 (Arab Saudi: Dār ‘Alim al-Kutub, 2003).

- al-Shāfi‘ī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Idris, *al-Umm (Mukhtaṣar al-Muzan)*, vol. 8 (Qāhirah: Dār al-Ghad al-‘Arabī, 1991), 133-136
- al-Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Khatib, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1997).
- al-Syirazī, Abū Ishāq Ibrāhim b. ‘Alī b. Yūsuf al-Fayruzabādī, *al-Tanbīh* (Makkah: Maktabah Dār al-Baz, 1995).
- Ayyub, Ḥasan Muḥammad, *Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah fī al-Islām*, vol. 1 (t.t.p.: Dār al-Tawzi‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, 1998).
- Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia* (Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan, 1995), 266.
- Bank Negara Malaysia, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1994).
- Bank Negara Malaysia, *What is Islamic Banking: Banking Info* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2003).
- BIMB (Bank Islam Malaysia Berjad), <http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/TradeWorkingCapitalFinancing-i.aspx?tabs=1>, dicapai pada 19 Januari 2014.
- BIRT, *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training, 1998).
- BMMB (Bank Muamalat Malaysia Berhad), <http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/commercial-banking/>, dicapai pada 19 Januari 2014.
- Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Ed. 2 (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010).
- Bradley, Francis R., ‘Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani’s Writing Contained in the National Library of Malaysia,’ *Jurnal Filologi Melayu*, 15 (2007): 121-141.
- Daud b. Abdullah, Syeikh, *Furū‘ al-Masā‘il* (Patani: Matba‘ah Bin Halabi, t.th).
- Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan, ‘Beberapa Metodologi Penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam Kitab *Furū‘ al-Masā‘il*: Tumpuan kepada Bab *Fiqh al-Mu‘āmalāt*’ (Kertas Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo III, STAIN Pontianak KALBAR, 4-5 Oktober 2010).

- Hadenan Towpek, ‘Kaedah penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam *Furū‘ al-Masā‘il* dengan tumpuan kepada rubu‘ *al-mu‘āmalāt*’. (Kertas kerja dibentangkan di The 6<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011)).
- Hooker, M.B. (ed.), *The Laws of South-east Asia (Vol. I: The-Modern Texts)* (Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd, 1986).
- Humud, Sami, ‘Bay‘ al-Murābahah li al-Amr bi Syira’ fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah’, *Majalah Majmā‘ al-Fiqh al-Islāmī*, 5/2 (Jeddah: Majmā‘ al-Fiqh al-Islamī, 1988).
- Ibn Humam, Kamal al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd Wahid, *Syarḥ Fath al-Qadir*, vol. 6 (Mesir: Syirkah Maktabah wa Matba‘ah al-Bābī al-Halābī wa Awlāduh, 1970).
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad b. Abū Bakr, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, vol. 4 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1972).
- Joni Tamkin Borhan, ‘*Bay‘ Murābahah* in Islamic Commercial Law,’ *Jurnal Syariah*, 6 (1998): 53-58.
- M.K. Saat *et al.*, *Islamic Banking Practices: From the Practitioner’s Perspective* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011).
- Matheson, V. & Hooker, M.B., ‘Jawi Literature in Patani: The Maintenance of An Islamic Tradition’, *JMBRAS*, 61/1 (1988): 1-86.
- Maybank Islamic*, <http://maybankislamic.com.my/glossary.html>, dicapai pada 19 Januari 2014.
- Mohd Herwan Mohammad Hussin & Mohd Hawari Mohammad Hussin, *Understanding Shari‘ah and Its Application in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011).
- Mohd. Daud Bakar, ‘Aspek-Aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam,’ *Jurnal Syariah*, 5 (1997): 204-228.
- Mohd. Mokhtar Shafii, *Sheikh Daud Al Fatani: His Life History and Works*, Monograph (Kajang Selangor: Academy for Civilization Studies, Kolej Dār al-Hikmah, 2005).
- Mohd. Zamperi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).
- Nabilah Lubis, *Naskah, Teks dan Metode Penelitian Filologi* (Jakarta: Yayasan Media Al Indonesia, 2001).
- Nik Norzrul Thani *et al.*, *Law and Practice of Islamic Banking and Finance* (Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia, 2010).

*Public Islamic Bank*, [http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en\\_content/glossary.html](http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en_content/glossary.html), dicapai pada 20 Januari 2014.

*RHB Islamic Bank*, [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/product-disclosure-sheet/HP.pdf](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/HP.pdf), dicapai pada 20 Januari 2014.

*RHB Islamic Bank*, [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/product-disclosure-sheet/PDS\\_PF-i\\_Private.pdf](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/PDS_PF-i_Private.pdf), dicapai pada 20 Januari 2014.

Saleh, Nabil A., *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law* (Cambridge: Cambridge University Press, 1986).

Sharifah Faigah Syed Alwi, *Pembiayaan Hutang dalam Perbankan Islam* (Shah Alam: UPENA, 2006).

W.M. Shaghir Abdullah, ‘Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani dan karya-karyanya’, (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991).

W.M. Shaghir Abdullah, *Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990), 25-26.

W.M. Shaghir Abdullah, ‘Manuskrip Islam dunia Melayu ditinjau dari pelbagai peringkat’, (Kertas Kerja Forum Ilmiah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1995).

W.M. Shaghir Abdullah, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, Cet. 6 (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2003).

Zaharuddin Abd Rahman, *Murabahah: Teori, Aplikasi & Isu dalam Perbankan Islam Semasa* (Petaling Jaya: Truewealth Publishing, 2009).

